

01 AUG 1999

Razaleigh-Perpaduan

PARTI POLITIK PERLU BERSATU DAN TUMPU KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah meminta parti-parti politik termasuk parti pembangkang supaya bersatu dan menumpukan kepada pembangunan negara terutama selepas kegawatan yang dialami negara.

Tengku Razaleigh berkata mereka semua perlu duduk semeja dan mencari penyelesaian kepada perpecahan yang berlaku selama ini.

"Saya rayu kepada semua pihak supaya kita memikirkan soal yang berada di hadapan...kita mesti meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan lain," katanya pada persidangan media selepas merasmikan Perhimpunan Agung Barisan Progresif India (IPF) di sini hari ini.

Tengku Razaleigh, yang juga anggota Parlimen Gua Musang, berkata negara pernah melihat kesanggupan parti-parti politik termasuk PAS untuk bekerjasama dengan pembentukan Barisan Nasional pada 1975.

"Tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh bersatu balik untuk tumpukan kepada pembangunan tanah air, apatah lagi sesudah ekonomi kita diserang spekulator dan pendapatan rakyat dan negara jatuh," katanya

Tengku Razaleigh berkata terpulang kepada para pemimpin parti terbabit untuk mempertimbangkannya dengan syarat mereka mengekalkan semangat kerjasama dan perpaduan yang dipersetujui.

Katanya beliau telah menyuarakan perkara ini kepada para pemimpin PAS pada Jun 1995 ketika beliau menyatakan hasratnya bagi kali pertama untuk berjumpa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tentang kemungkinan membubarkan Parti Semangat 46.

"Para pemimpin PAS dalam perjumpaan itu merestui pemergian saya untuk berunding dengan Dr Mahathir dan mereka berkata biarlah saya merintis jalan untuk mereka menimbang soal kerjasama dengan para pemimpin negara yang berkuasa pada masa itu," kata beliau.

Tengku Razaleigh berkata perkara itu tidak dapat dipanjangkan kerana Perdana Menteri telah mengumumkan kepada media mengenai perjumpaan mereka sekembalinya dari Bosnia Herzegovina.

Beliau berkata PAS sebenarnya tidak mempunyai banyak masalah bekerjasama dengan kerajaan BN walaupun ia menyatakan terdapat perbezaan ideologi.

"Sehingga sekarang tidak ada nampak perbezaan antara pemerintahan PAS di Kelantan dengan pemerintahan di negeri-negeri lain. Caranya sama dan perlembagaan yang dipakai pun yang itu jugalah," kata Tengku Razaleigh.

Ditanya pemberita mengenai kenyataan para pemimpin bahawa UMNO menggunakan istana untuk merampas semula Kelantan daripada PAS, Tengku Razaleigh menafikan perkara itu.

"Kita tidak pernah guna istana. Begitu juga masa saya dalam Angkatan Perpaduan Ummah dengan PAS, ada tuduhan yang sama."

"Jangan dia hendak tuduh istana...kalau dia ada kekuatan apa yang hendak dibimbang. Dulu dia tidak ada tuduh istana atau sesiapa," kata Tengku Razaleigh.

-- BERNAMA

SBJ AKD